

Bil. S 14

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(Penggai 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(TALI PINGGANG KELEDAR BAGI KANAK-KANAK), 2004**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan.
4. Penggunaan tali pinggang keledar oleh kanak-kanak.
5. Tali pinggang keledar dan tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak hendaklah mematuhi spesifikasi piawaian keselamatan.
6. Kesalahan-kesalahan.
7. Hukuman.

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(Penggai 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(TALI PINGGANG KELEDAR BAGI KANAK-KANAK), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Tali Pinggang Keledar bagi Kanak-Kanak), 2004.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"kanak-kanak" bermakna seseorang yang belum mencapai umur 12 tahun;

"surat akuan perubatan" bermakna suatu surat akuan yang ditandatangani oleh seseorang pengamal perubatan yang bekerja dengan Kerajaan yang bermaksud bahawa seseorang kanak-kanak itu tidak dinasihatkan untuk menggunakan tali pinggang keledar atas alasan perubatan;

"tali pinggang keledar" bermakna suatu tali pinggang yang dimaksudkan untuk digunakan oleh seseorang di dalam sesebuah kenderaan bermotor dan direkabentuk untuk mengelakkan atau mengurangkan kecederaan kepada penggunanya sekiranya berlaku sesuatu kemalangan ke atas kenderaan itu dan termasuk, dalam hal tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak, sebarang kerusi khas yang dipasang pada tali pinggang keledar;

"tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak" bermakna tali pinggang keledar atau apa-apa alat keselamatan lain yang khusus direkabentuk bagi kegunaan kanak-kanak.

Pengenaan.

3. Peraturan-Peraturan ini dikenakan kepada setiap kenderaan bermotor kecuali —

- (a) kenderaan perkhidmatan barang-barang;
- (b) kenderaan perkhidmatan awam, bukannya kereta sewa persendirian dan teksi;
- (c) ambulans, kereta bomba dan kereta mayat; dan
- (d) motosikal.

Penggunaan tali pinggang keledar oleh kanak-kanak.

4. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2), mana-mana orang yang tanpa sebab yang munasabah, memandu sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya sedangkan di dalam kenderaan itu ada seorang kanak-kanak yang tidak menggunakan tali pinggang keledar adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Peraturan kecil (1) tidak dikenakan kepada —

- (a) kanak-kanak yang belum mencapai umur 6 tahun yang menggunakan tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak yang bersesuaian mengikut tinggi dan beratnya;
- (b) kanak-kanak yang berkaitan dengannya terdapat surat akuan perubatan;
- (c) kanak-kanak cacat yang menggunakan tali pinggang keledar yang sesuai untuk orang cacat; dan
- (d) kanak-kanak yang belum mencapai umur satu tahun yang berada di dalam buaian boleh bawa, dengan syarat bahawa buaian boleh bawa itu bertali keselamatan.

Tali pinggang keledar dan tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak hendaklah mematuhi spesifikasi piawaian keselamatan.

5. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, semua tali pinggang keledar dan tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak di dalam sesebuah kenderaan bermotor hendaklah mematuhi spesifikasi piawaian keselamatan Britain (BS), Eropah (ECE), Australia (AUS) dan Jepun (JIS) atau spesifikasi lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah.

Kesalahan-kesalahan.

6. (1) Mana-mana orang yang menjual atau membekalkan, atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan, sesebuah kenderaan bermotor dalam keadaan bahawa penggunaannya dalam keadaan itu akan menjadi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang mengubahsuai sesebuah kenderaan bermotor hingga menyebabkan keadaannya sebegitu rupa bahawa penggunaannya dalam keadaan itu akan menjadi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika sesebuah kenderaan bermotor telah dijual, dibekalkan, ditawarkan atau diubahsuai dengan melanggar Peraturan-Peraturan ini, mana-mana orang yang memandu kenderaan itu di atas jalan raya atau menyebabkan atau membenarkannya untuk dipandu demikian, atau menjual, membekalkan, menawarkan atau mengubahsuainya demikian atau menyebabkan atau membenarkannya untuk dijual, dibekalkan, ditawarkan atau diubahsuai demikian, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang tidaklah melakukan sebarang kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini berkaitan dengan penjualan, pembekalan, tawaran atau pengubahsuaian mana-mana kenderaan bermotor jika dia membuktikan bahawa kenderaan bermotor itu telah dijual, dibekalkan, ditawarkan atau diubahsuai demikian untuk dieksport atau bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenderaan bermotor itu tidak akan digunakan di atas jalan raya di Negara Brunei Darussalam atau tidak akan digunakan demikian sehingga kenderaan bermotor itu diubahsuai dalam keadaan yang boleh digunakan secara sah.

Hukuman.

7. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Zulkaedah, Tahun 1424 bersamaan dengan 14 haribulan Januari, 2004.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.